



Datuk Bandar  
Kuala Lumpur

Bil. ( 13 ) dlm. DBKL./JPRB.PPB

26 Jun 2014

**YBhg. Datuk Seri Michael KC Yam, SMW, DSNS**

Presiden

Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia (REHDA)

Director Of GreenRE Sdn Bhd

Wisma REHDA, No 2C, Jalan SS5D/6

47301 Petaling Jaya

YBhg Datuk Seri,

**Pengiktirafan GreenRE Sebagai Alat Penarafan Alternatif (Alternative Rating Tool)**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y.Bhg Datuk Seri mengenai perkara di atas serta surat Y.Bhg Datuk Seri bertarikh 8.04.2014 adalah berkaitan.

2. Dengan sukacitanya, bahawa pihak DBKL berbesar hati merakamkan ucapan terima kasih di atas pembentangan GreenRE sebagai kaedah penarafan alternatif (Alternative Rating Tool) di Majlis Perjumpaan Town Hall bersama REHDA pada 8 April 2014.

3. Sehubungan dengan itu, DBKL bersetuju untuk menerima GreenRE sebagai salah satu badan yang mempunyai keupayaan untuk membuat penarafan bangunan hijau bagi menilai dan mengiktiraf bangunan-bangunan yang dibina di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

**" BERSEDIA MENYUMBANG, BANDAR RAYA CEMERLANG "**

  
**(DATUK SERI HJ. AHMAD PHEMAL BIN HJ. TALIB)**

Datuk Bandar Kuala Lumpur